

## **ULASAN BUKU “MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA”**

### **Book Review: “Syariah Court In Malaysia”**

**Abdul Monir Yaacob<sup>1</sup>**

Mahkamah Syariah di negara ini telah melalui beberapa peringkat perkembangan. Penulisan tentang Mahkamah Syariah lebih tertumpu kepada perkembangan dalam era penjajah dan selepas Malaysia mencapai kemerdekaan. Profesor Emeritus Tan Sri Ahmad Mohamad Ibrahim, pengasas kepada Fakulti Undang-undang Universiti Malaya dan Kulliyah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Profesor M.B. Hooker, dari Universiti Kent Canterbury, England adalah antara tokoh-tokoh akademik tersohor yang banyak menulis tentang perkembangan Mahkamah Syariah. Penulisan-penulisan mereka banyak tersiar dalam *Malayan Law Journal* dan penerbitan akademik yang lain dan juga yang berbentuk buku.

Selain itu beberapa seminar di peringkat kebangsaan dan seumpamanya telah diadakan oleh pihak-pihak seperti JAKIM dan institusi-institusi pengajian tinggi. Kerajaan juga telah memberi perhatian kepada kedudukan Mahkamah Syariah di negara ini. Bahkan kerajaan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tan Sri Syed Nasri untuk mengkaji kedudukan Mahkamah Syariah serta mengemukakan cadangan bagi meningkatkan Mahkamah Syariah. Jawatankuasa ini telah mengemukakan beberapa cadangan.<sup>2</sup> Kerajaan melalui Majlis Kebangsaan Hal Ehwal

---

<sup>1</sup> Head of Management and Legal Division, Malaysian Islamic University Council, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, [abdul.monir@gmail.com](mailto:abdul.monir@gmail.com).

<sup>2</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1997), 148-149.

Islam Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syariah dan Sivil Kebangsaan pada tahun 1988. Jawatankuasa ini pada awal penubuhannya dipengerusikan oleh Profesor Emeritus Tan Sri Ahmad Mohamed Ibrahim, Dekan Fakulti Undang-undang, UIAM. Semasa beliau menerajui jawatankuasa ini telah banyak seminar, persidangan dan dialog diadakan dengan pelbagai pihak termasuk dengan pihak berkuasa negeri dalam hal pentadbiran perundangan Islam. Pada masa sekarang jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali A. Rahman, Mantan Ketua Hakim Syarie/Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan kini berkhidmat sebagai Penasihat Syariah di Jabatan Peguam Negara. Usaha-usaha bagi meningkatkan Mahkamah Syariah dalam pelbagai aspek masih diteruskan sehingga kini.

Kerajaan juga ada menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara pada ketika itu bagi memulihkan lagi status Mahkamah Syariah. Antara ahli Jawatankuasa ini ialah Dato' Haji Ismail Yahya, Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah sekarang. Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, Mahkamah Syariah telah mula berkembang ke arah pembaharuan dari pelbagai aspek termasuk dari segi status Mahkamah Syariah, kedudukan Kadi/Hakim-hakim Mahkamah Syariah, perubahan struktur Mahkamah dan organisasi fizikal, begitu juga bidangkuasa Mahkamah Syariah dan perundangan.<sup>3</sup> Perkara-perkara tersebut tidak dapat diperjelaskan dengan lebih lanjut dalam makalah ini. Walau bagaimanapun, telah banyak penyelidikan yang telah dilakukan dan diterbitkan berbentuk kertas kerja dan makalah dalam pelbagai media cetak.

Di antara beberapa orang ahli akademik yang agak aktif menulis tentang Mahkamah Syariah selain dari tokoh seperti Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim, adalah Profesor Datuk Dr. Mahmud Saedon dan Awang Othman, beliau bukan sahaja menulis makalah dan kertas kerja mengenai Mahkamah Syariah, bahkan telah menerbitkan beberapa buah buku antaranya bertajuk "Kadi Perlantikan Perlucutan dan Bidangkuasa, Dewan Bahasa dan Pustaka (1990). Abdullah Abu Bakar telah banyak menulis tentang isu-isu perundangan yang ditadbirkan oleh Mahkamah Syariah. Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali Abdul Rahman ketika memegang jawatan dalam Kehakiman Syariah telah menulis banyak kertas kerja dan makalah menyentuh Mahkamah Syariah.

---

<sup>3</sup> Abdul Monir Yaacob, "Struktur, Taraf, Kedudukan Kakitangan Mahkamah Syariah", *Jurnal IKIM* 1/1(1993): 72-93.

Abdul Monir Yaacob banyak menulis tentang perkembangan Mahkamah Syariah seperti penulisan dalam Jurnal IKIM dan beliau ada membuat satu cadangan supaya ditubuhkan Mahkamah Agong Syariah di samping cadangan penubuhan “*syariah bench*” di Mahkamah Sivil dengan mengambil contoh daripada mahkamah di Pakistan. Begitu juga dengan Mahmud Zuhdi Abdul Majid, beliau telah menulis tesis PhD yang menyentuh bidangkuasa Mahkamah Syariah. Penulis merupakan salah seorang pemeriksa. Tesis beliau telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Farid Sufian Shuaib telah menulis tentang Mahkamah Syariah dalam bukunya “*Power and Jurisdiction of Shariah Courts in Malaysia*” yang diterbitkan oleh *Malayan Law Journal* (2003). Sebenarnya ramai lagi ahli akademik yang tidak disenaraikan dalam makalah ini seperti Siti Zalikah binti Hj. Mohd Nor dan Zaini Nasohah dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mukhtahir ini telah muncul lebih ramai lagi ahli akademik yang menulis tentang Mahkamah Syariah. Penulisan mereka ada yang diterbitkan dalam jurnal, majalah, akhbar dan buku. Mereka juga telah membuat penyelidikan dan dibentangkan dalam seminar dan persidangan. Buku Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran adalah sebuah buku yang diedit oleh Ahmad Hidayat Buang yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti Malaya (2005). Buku ini memuatkan sebanyak 12 makalah. Keseluruhan makalah ditulis hasil penyelidikan yang dilakukan oleh pensyarah-pensyarah di Jabatan Syariah dan Undang-undang kecuali satu makalah oleh pensyarah di UiTM. Skop penulisan lebih bergantung kepada kepakaran bidang masing-masing. Bagaimanapun pada keseluruhannya makalah-makalah tersebut adalah menyentuh undang-undang yang ditadbirkan oleh Mahkamah Syariah dan mengenai perkembangan Mahkamah Syariah. Analisis dibuat dari pelbagai aspek perundangan. Bagaimanapun perlu dijelaskan bahawa makalah-makalah yang diterbitkan tidak pula menyentuh setiap aspek bidangkuasa Mahkamah Syariah dan undang-undang yang ditadbirkan, dan pengurusan Mahkamah Syariah dengan terperinci. Sungguhpun begitu buku ini berjaya memberi gambaran umum tentang Mahkamah Syariah di negara ini.

Terdapat tiga makalah yang memberi fokus kepada perkembangan Mahkamah Syariah iaitu makalah “Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran Alaf Baru” oleh Ahmad Hidayat Buang, “Bidangkuasa Mahkamah dan Konflik Perundangan” oleh Narizan Abdul Rahman dan makalah bertajuk “Shariah Courts Jurisdiction in Malaysia” oleh Zalina Zakaria. Selain daripada makalah-makalah tersebut terdapat makalah-makalah yang memberi tumpuan kepada undang-undang yang dipakai oleh Mahkamah Syariah seperti “Undang-

undang Jenayah Syariah Islam dan Pelaksanaan Jenayah Syariah di Malaysia” oleh Siti Zubaidah Ismail dan "Undang-undang Prosedur Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Penilaian” oleh penulis yang sama. “Undang-undang Mal di Malaysia” oleh Suwaid Tapah, “Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia: Kajian Penulisan” oleh Ruzman Mohd Noor. Makalah mengenai Pentadbiran harta orang Islam terdapat dua makalah iaitu “Undang-undang Pentadbiran Harta Wakaf di Malaysia” oleh Siti Mashitoh Mahamood, dan “Perkembangan dan Isu-isu Undang-undang Pusaka dan Wasiat di Malaysia” oleh Ahmad Hidayat Buang. Beliau juga ada menyumbang sebuah makalah bertajuk “Undang-undang dan Penguatkuasaan Zakat dan Fitrah di Malaysia”.

Sebelum ulasan dibuat kepada makalah-makalah yang dimuatkan dalam buku ini, penulis akan menyingkap sepintas lalu latarbelakang Mahkamah Kadi/Mahkamah Syariah dan undang-undang yang digunakan oleh Mahkamah tersebut pada peringkat permulaan. Mahkamah Kadi pernah berada dalam struktur Mahkamah Sivil. Apabila Court Ordinance 1948 dikuatkuasakan, Mahkamah Kadi menjadi Mahkamah negeri. Undang-undang yang dipakai tidak disatukan. Hanya mulai tahun 1952 diadakan undang-undang yang khusus bagi pentadbiran Hukum Syarak. Ia bermula dengan berkuatkuasanya Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor 1952. Setelah itu diikuti oleh negeri-negeri yang lain dengan mengikut contoh Enakmen yang dipakai oleh negeri Selangor dan dengan beberapa pengubahsuaian.<sup>4</sup> Enakmen ini memperuntukkan tentang penubuhan Mahkamah Syariah dan undang-undang yang dipakai oleh Mahkamah tersebut. Undang-undang yang dibuatkan itu adalah ringkas meliputi Undang-undang Keluarga Islam, kesalahan jenayah syarak, acara mal dan acaran jenayah dan keterangan. Beberapa tahun kemudian mulai pertengahan tahun tujuh puluhan telah bermula usaha bagi mengemaskini Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak bermula dengan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur iaitu bagi mengadakan Undang-undang Keluarga Islam yang seragam yang boleh diterima oleh negeri-negeri. Satu draf Undang-undang Keluarga Islam telah disiapkan dan telah disembahkan dan diterima oleh Majlis Raja-Raja. Negeri-negeri telah menerima draf ini, bagaimanapun beberapa negeri telah membuat beberapa pindaan kepada draf asal seperti Kedah dan Kelantan.<sup>5</sup>

Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa bagi mengkaji

---

<sup>4</sup> Abdul Monir Yaacob, *An Introduction to Malaysian Law* (Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989).

<sup>5</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*, 43.

kedudukan dan status Mahkamah Syariah dan jawatankuasa ini telah membuat beberapa saranan kepada kerajaan. Berikutan dengan itu, beberapa perubahan telah berlaku. Seterusnya telah dibuat pindaan kepada undang-undang yang menyentuh organisasi Mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah telah disusun semula dengan mempunyai tiga peringkat iaitu Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah, berbeza dengan sebelumnya.<sup>6</sup> Dari sinilah bermula titik tolak dalam usaha meningkatkan status Mahkamah Syariah dalam pelbagai aspek. Pelbagai undang-undang baru bagi pentadbiran di Mahkamah Syariah telah diperbuat seperti Undang-undang Prosedur Jenayah Syariah, Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah, Undang-undang Jenayah Syariah, Undang-undang Pentadbiran Islam dan Undang-undang Tatacara Mal.

Dengan penubuhan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syariah dan Sivil, maka wujudlah satu forum bagi Ahli Perundangan Sivil dan Pakar Perundangan Syariah yang bertanggungjawab bagi perkembangan perundangan Islam di negara ini. Jawatankuasa ini telah berjaya mendraf beberapa undang-undang bagi pemakaian di Mahkamah Syariah. Selain daripada undang-undang di atas yang pada umumnya diterima oleh semua negeri, Jawatankuasa Teknikal juga telah mendraf beberapa undang-undang lain seperti Draf Undang-undang Wakaf, Draf Undang-undang Wasiat, Draf Undang-undang Zakat dan Fitrah, Draf Undang-undang Faraid, Draf Undang-undang Profesyen Guaman Syarie dan yang terakhir sekali Draf Undang-undang Mufti dan Fatwa. Kebanyakan negeri-negeri telah menerima pakai draf cadangan tersebut, walaupun ada negeri yang agak terlewat menerimanya.

Bidang yang ditulis oleh para pensyarah yang dimuatkan dalam buku ini pada asasnya mengenai Mahkamah Syariah dan undang-undang yang digunakan meliputi Undang-undang Acara Mal, Undang-undang Jenayah Syariah, Undang-undang Prosedur Jenayah Syariah, Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah, Undang-undang Zakat dan Fitrah, Undang-undang Pusaka dan Undang-undang Keluarga Islam. Bagaimana pun tidak semua negeri mempunyai undang-undang Wakaf, Undang-undang Wasiat dan Undang-undang Zakat dan Fitrah. Makalah yang ditulis oleh Raihanah Abdullah, telah membuat sorotan terhadap penulisan-penulisan dalam bidang undang-

---

<sup>6</sup> Abdul Monir Yaacob, “Struktur, Taraf, Kedudukan Kakitangan Mahkamah Syariah”, 77; Abdul Monir Yaacob, “Undang-undang Pentadbiran Islam dan Mahkamah Syariah di Malaysia”, dalam Abdul Monir Yaacob & Suzalie Muhamad, *Pembangunan Undang-undang di Rantau Asean* (Kuala Lumpur, Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2002), 83-84.

undang keluarga Islam. Sebagai ahli akademik yang pakar dalam undang-undang keluarga Islam, beliau telah membuat klasifikasi tumpuan penulisan mengikut era iaitu era sebelum merdeka, selepas merdeka sehingga tahun 80-an dan penulisan di akhir tahun 80-an hingga sekarang. Menurut beliau titik permulaan penulisan undang-undang keluarga Islam yang menyeluruh berlaku dalam penulisan Ahmad Ibrahim melalui bukunya yang bertajuk *Islamic Law in Malaya* (1965) yang diterbitkan oleh MSRI, Singapura.

Pada pertengahan tahun, laporan pekeliling telah digubal bagi Undang-undang Keluarga Islam. Draf ini telah diusahakan oleh sebuah jawatankuasa dan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja dan telah mendapat perkenan. Tujuan utama adalah untuk menyelaraskan dan menyeragamkan Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam di seluruh negeri.<sup>7</sup> Akan tetapi beberapa negeri telah membuat beberapa pindaan seperti Kelantan dan Kedah dan akhirnya hasrat tersebut tidak tercapai.

Makalah yang ditulis oleh Suwaid Tapah bertajuk “Undang-undang Mal Syariah”, telah mengupas beberapa aspek undang-undang keluarga Islam. Beberapa rujukan telah dibuat kepada penulisan-penulisan dalam topik tersebut. Antara isu yang diketengahkan adalah mengenai kesan perceraian kepada isu mal seperti; nafkah, muta’ah dan harta sepencarian. Isu-isu tersebut dikatakan banyak dibangkitkan oleh kaum wanita. Isu mal sebenarnya lebih luas kerana ia mencakupi perkara perwarisan, hibah, wasiat dan wakaf. Mas kahwin juga di antara isu yang diberi tumpuan oleh sesetengah penulis wanita. Dikatakan nilai mas kahwin orang Islam di negara ini tidak tinggi. Apa yang kita dapat saksikan muktahir ini ada pihak yang sanggup memberikan mas kahwin sampai kepada empat dan lima angka. Walhal pihak berkuasa negeri telah pun mencadangkan jumlah tertentu yang tidak terlalu tinggi.

Pihak perempuan perlu tahu bahawa mas kahwin adalah hak mereka bukan hak keluarga atau ibu bapa; berlainan dengan wang hantaran. Di setengah negara ada mas kahwin yang tunai dan mas kahwin tertunggak yang dinyatakan dalam akad. Sungguhpun terdapat pelbagai bentuk tuntutan yang boleh dibuat apabila berlaku perceraian, bagaimana pun penulisan dalam makalah ini hanya memberi fokus kepada beberapa isu sahaja seperti pembahagian harta sepencarian. Sebenarnya memang banyak makalah mengenai isu tersebut. Di peringkat permulaan, didapati oleh beberapa pengkaji bahawa keputusan yang dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah tidak memberi alasan penghakiman.

---

<sup>7</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1999), 12.

Lagipun pada suatu ketika keputusan Mahkamah Syariah boleh dibuat rayuan di Mahkamah Sivil. Sebenarnya dalam kes harta pusaka orang Islam, isu *probate* dan pentadbiran pusaka tiada dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah. Ini adalah antara beberapa isu yang pernah dibangkitkan oleh Ahmad Ibrahim supaya undang-undang tersebut dikaji semula dan memberikan bidangkuasa kepada Mahkamah Syariah apabila membabitkan pewarisan orang Islam. Kelemahan yang berlaku telah menyebabkan tanggapan negatif masyarakat terhadap Mahkamah Syariah; walau bagaimanapun pindaan Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan telah berlaku dengan memasukkan fasal (1A).

Siti Zubaidah Ismail telah menulis dua makalah iaitu Undang-undang Jenayah Islam dan Perlaksanaan Jenayah Syariah di Malaysia; dan makalah tentang Undang-undang Prosedur Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Penilaian. Pada peringkat permulaan negara mencapai kemerdekaan, tidak terdapat Prosedur Jenayah Syariah yang lengkap bagi Mahkamah Kadi pada ketika itu dalam pentadbiran keadilan jenayah Syariah. Yang ada amat ringkas yang dimuatkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. Penulis telah membuat rujukan kepada penulisan beberapa tokoh akademik mengenai tajuk ini. Menurut penulis, pada hari ini boleh dikatakan setiap negeri telah menyediakan Enakmen Acara Jenayah Syariah. Negeri yang pertama menyediakannya adalah negeri Kelantan pada tahun 1983. Seperkara yang menarik Kelantan telah mengadakan Kaedah-kaedah Hukuman Sebat 1987, menurut tuntutan hukum Syarak yang berbeza dengan kaedah hukuman sebat yang dilaksanakan di penjara hari ini. Di Malaysia pernah timbul isu kontroversi tentang hukuman sebat. Bagi tujuan penyelarasan Kanun Acara Jenayah Syariah telah dibuat pindaan. Menurut satu pendapat Kanun Acara Jenayah Syariah yang terpakai sekarang adalah lengkap dan komprehensif. Yang paling menarik ada satu peruntukan yang menyatakan mana-mana peruntukan yang tidak selaras dengan hukum Syarak hendaklah terbatal setakat ketidakselarasan itu.

Prosedur yang digunakan oleh Mahkamah Syariah di seluruh negara pada hari ini adalah Kanun Prosedur Jenayah Syariah yang diadaptasi daripada Kanun Prosedur Jenayah yang dipakai oleh Mahkamah Awam Malaysia. Kanun Prosedur ini sebenarnya mengambil contoh daripada Kanun Prosedur Jenayah India. Apa yang berlaku pada Kanun Prosedur Jenayah Syariah adalah penyesuaiannya dengan hukum Syarak. Usaha ini telah dilakukan oleh sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan bagi tujuan tersebut. Makalah yang ditulis oleh Siti Zubaidah Ismail telah membuat kupasan secara umum kepada kandungan Kanun Prosedur Jenayah

Syariah yang telah diterima oleh negeri-negeri. Siti Zubaidah Ismail dalam penulisannya mengenai undang-undang jenayah Islam pula telah membuat sorotan sejarah pelaksanaan undang-undang jenayah Islam di Tanah Melayu dengan membawa bukti-bukti seperti Batu Bersurat Terengganu 1303 yang tertulis padanya hukuman ke atas kesalahan zina.<sup>8</sup> Terdapat beberapa interpretasi mengenai signifikannya yang tidak dapat dipertikaikan. Kerajaan Negeri Terengganu di bawah pemerintahan Baginda Omar dan Sultan Zainal Abidin III (1881-1918) telah melaksanakan undang-undang jenayah Islam.<sup>9</sup>

Sungguhpun begitu, banyak penulisan yang mengenengahkan Hukum Kanun Melaka dan di dalamnya terdapat peruntukan kesalahan jenayah Islam seperti kesalahan mencuri, zina dan bunuh. Walau bagaimanapun oleh kerana penulisan bukan bidang yang diberi keutamaan oleh semua pihak pada zaman itu, kes tidak dilaporkan atau dibuat catatan seperti perkara yang dihadapkan kepada istana yang kadang kala ada dalam catatan sejarah seperti kisah penangkapan pencuri di zaman pemerintahan Sultan Alauddin yang dikisahkan dalam buku *Kisah Pelayaran Abdullah*. Berasaskan kepada fakta sejarah, penulis kepada realiti hari ini, di mana setiap negeri telah mempunyai undang-undang kesalahan jenayah syariah ataupun peruntukan tentang kesalahan tersebut. Pengkanunan berbentuk enakmen ini bermula pada tahun 1952, setelah itu beberapa negeri telah mempunyai enakmen yang khusus mengenai undang-undang kesalahan jenayah syariah. Sungguhpun begitu masih tidak terdapat keseragaman pada Undang-undang Jenayah Syariah. Baik dari segi jenis kesalahan mahupun dari segi hukuman.

Satu contoh yang paling jelas adalah hukuman ke atas kesalahan “minum arak” atau “minum minuman yang memabukkan”. Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) (Pindaan) 1984 telah menetapkan had maksimum hukum ke atas kesalahan jenayah syariah. Akta ini mendapati bahawa tidak ada penyelarasan hukum di peringkat negeri-negeri ke atas pesalah minum arak. Ini dapat dibuktikan dalam kes *Kartika* (Keputusan Mahkamah Tinggi Syariah, Negeri Pahang), berbanding dengan peruntukan dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah, Wilayah Persekutuan. Siti Zubaidah juga ada menyentuh tentang kesalahan murtad dan Mohamad Azam Mohamad Adil dalam makalahnya

---

<sup>8</sup> Semasa penulis melawat Muzium Terengganu. Batu Bersurat ini ada dipamerkan. Di dapati hanya di satu sudut di Batu Bersurat itu yang bertulisan jawi tentang kesalahan zina. Di bahagian lainnya mengenai aturan adat yang masih disaluti ciri-ciri bukan Islam.

<sup>9</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*, 492-494.



bertajuk “Kebebasan Beragama dan Hukuman Ke Atas Orang Murtad di Malaysia”. Dalam makalah ini, penulis telah menyingkap pendapat ulama tentang murtad, di samping mengemukakan pandangan golongan “sarjana kontemporari” yang mempunyai pandangan yang berbeza dengan pandangan ulama jumhur. Penulis cuba menganalisa dengan mengaitkan murtad dan hak kebebasan beragama dari pelbagai aspek, seperti Perlembagaan Malaysia, dan Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 (UDHR). Penulis telah membuat kupasan yang dalam satu penulisan lain yang akan diterbitkan dalam tempoh terdekat.

Hak kebebasan beragama boleh diberi pentafsiran dari pelbagai sudut; iaitu mengikut ajaran Islam yang telah diperjelaskan dalam banyak buku fiqh dan kitab tafsir dan ulama kontemporari; mengikut kehendak Perkara 18 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat-yang sudah memberi kebebasan mutlak dan tafsiran mengikut kehendak Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan dan peruntukan lain yang berkaitan. Penulis dalam makalahnya ada memberi ulasan tentang kebebasan beragama di Malaysia. Kunci kepada kebebasan beragama diperuntukan dalam Perkara 11 Perlembagaan dan tertakluk kepada Fasal (4) untuk mengadakan undang-undang bagi mengawal pengembangan mana-mana kepercayaan bukan Islam di kalangan orang Islam, bagi tujuan memelihara aqidah orang Islam. Isu kebebasan beragama tidak terbatas kepada pertukaran agama sahaja seperti kebanyakan kes yang dilaporkan. bahkan juga melibatkan amalan di kalangan orang Islam sendiri seperti isu memakai “purdah”. Ini dapat dilihat dalam kes *Hjh. Halimatussaadiyah bte. Hj. Kamaruddin v. Public Service Commission, Malaysia & Anor* (1994) 3 ML J. 61. Begitu juga dalam kes pemakaian serban oleh murid-murid di sekolah seperti dalam kes *Meor Atiqulrahman bin Ishak & Anor. v. Fatimah bte Sihi & Anor.* (2002) 5 ML J 375.

Mengenai murtad, penulis telah membuat sorotan yang agak banyak merangkumi pendapat aliran ulama tradisional dan pandangan cendekiawan Islam kontemporari. Ia berkisar kepada jenis hukuman sama ada hukum hudud atau takzir. Yang jelasnya sehingga sekarang sejak negara mencapai kemerdekaan, hukum hudud tidak pernah dilaksanakan. Pada umumnya, enakmen kesalahan jenayah syariah negeri memberi peruntukan hukuman takzir. Ini kerana bidangkuasa jenayah Mahkamah Syariah tertakluk kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) (Pindaan) 1984. Telah lama cadangan disuarakan supaya Akta ini dipinda.

Apa yang dipertikaikan oleh masyarakat Islam dan termasuk masyarakat

bukan Islam adalah tentang bidangkuasa Mahkamah, iaitu Mahkamah yang mempunyai bidangkuasa bagi memutuskan kes murtad. Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan adalah membuat peruntukan dalam menentukan bidangkuasa Mahkamah Syariah. Telah banyak kes-kes permohonan keluar Islam telah dibuat di Mahkamah Sivil. Mahkamah Sivil sendiri mempunyai dua pandangan dalam isu bidangkuasa ini. Seperti keputusan dalam kes *Md Hakim Lee* dan kes *Lina Joy* yang memberikan bidangkuasa kepada Mahkamah Syariah bagi permohonan keluar Islam (murtad). Ada keputusan lain yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi yang berpendapat Mahkamah Sivil ada bidangkuasa selagi undang-undang mengenainya tidak diperbuat oleh Badan Perundangan Negeri yang memberikan bidangkuasa kepada Mahkamah Syariah. Seterusnya pindaan telah dibuat kepada Undang-undang Pentadbiran Islam negeri-negeri dan undang-undang lain yang berkaitan dengan memberikan bidangkuasa kepada Mahkamah Syariah. Dengan demikian, isu seperti itu sepatutnya tidak berlaku lagi. Isunya sekarang adakah pihak yang bukan Islam mempunyai kepercayaan kepada Mahkamah Syariah boleh berlaku adil apabila kes seperti itu berlaku. Begitu juga dengan tuntutan-tuntutan akibat dari pertukaran agama.

Ruzman Md. Noor menulis atas tajuk “Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia: Kajian Penulisan”. Penulis sebenarnya tidak membataskan kajiannya kepada penulisan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia, bahkan pergi kepada penulisan kitab-kitab dalam Bahasa Arab tentang undang-undang keterangan Islam. Dalam Madzhab Sunni seperti *Kitāb Hasyiah i’ārah al-Ṭālibīn*, *al-Mudawwarah al-Kubrā*, *Sharh Fath al-Qadīr* dan *Kitāb Hasyiah al-Dasūki ‘alā al-Sharḥ al-Kabīr*. Kitab selainnya yang agak dominan adalah buku “*al-Turuq al-Ḥukmiyyah fī al-Siyāsah al-Syar’iyyah*” karangan Ibnu Qayyim al-Jawziyyah. Buku tersebut selain membincangkan prinsip syahadah, kaedah-kaedah pembuktian yang lain dikemukakan seperti pemakaian *bayyinah* dan *qarīnah*. Bentuk-bentuk pembuktian yang dibincangkan termasuk *iqrār*, sumpah, *qasamah*, pendapat pakar dan maklumat kadi.

Penulis mendapati peruntukan berkaitan dengan Undang-undang Keterangan Islam ada dalam Hukum Kanun Melaka, tetapi ringkas. Mengikut pengkaji Hukum Kanun Melaka, Liaw Yock Fong hanya terdapat 12 fasal yang menyentuh soal keterangan. Apabila beberapa negeri mula memperkenalkan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam bermula dengan Negeri Selangor pada tahun 1952, terdapat beberapa peruntukan sahaja tentang keterangan. Pada hari ini, semua negeri telah mempunyai Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah yang boleh disifatkan menyeluruh. Di negara kita terdapat

penulisan yang cukup sama ada buku atau makalah yang menyentuh Undang-undang Keterangan Islam. Jika kita membaca *Kitāb al-Turuq al-Hukmiyyah* karya Ibnu Qayyim terdapat cerita-cerita (kes) yang menarik di dalamnya. Siti Mashitoh Mahmood menulis tentang Undang-undang Pentadbiran Harta Wakaf di Malaysia. Beliau telah membuat teguran kepada takrif wakaf yang diberikan dalam Enakmen Wakaf, Negeri Selangor 1959, kerana tidak secara jelas memasukkan elemen ‘kekal’ dalam takrif tersebut. Oleh kerana pengulas adalah antara mereka yang terlibat dalam mendraf undang-undang tersebut maka perlulah dinyatakan bahawa dalam enakmen itu ada peruntukan *safety clause* iaitu “menurut hukum syarak”. Bermaksud setiap wakaf itu hendaklah mengikut hukum syarak dan maksud hukum syarak adalah sepertimana yang ditakrifkan oleh Enakmen.

Wakaf adalah terletak dibawah bidangkuasa Mahkamah Syariah, dan lebih jelas lagi apabila Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menyediakan Perkara 121 (1A). Ahmad Ibrahim berpendapat supaya Akta Pemegang Amanah 1949 dipinda bagi mengecualikan wakaf daripada takrif amanah di bawah Akta ini.<sup>10</sup> Bagaimana pun sehingga sekarang Akta tersebut masih belum dipinda.

Satu isu penting dalam pengurusan wakaf adalah hukum “*istibdal*” iaitu menggantikan harta wakaf dengan harta lain yang lebih baik dengan tukaran atau belian atau jualan atau sebagainya menurut Hukum Syarak. Pada masa pengulas sebagai Ahli Jawatankuasa Fatwa Wilayah Persekutuan dan pada ketika itu Sahibul Samahah Tan Sri Abdul Kadir Talib sebagai Mufti, isu *istibdal* telah ditimbulkan dan dibincangkan kerana Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan mempunyai tanah wakaf di tempat yang strategik dalam Kuala Lumpur untuk dibangunkan. Penulis ada membangkitkan isu pembangunan tanah-tanah wakaf. Dikenalpasti di antara halangan bagi pembangunan tanah wakaf adalah masalah kewangan di pihak Majlis Agama Islam negeri dan halangan-halangan lain, termasuk pengkhususan tujuan wakaf seperti bagi tujuan tanah masjid dan perkuburan Islam. Ada juga tanah wakaf yang tidak dipindah milik. Dari segi perundangan Majlis Agama Islam adalah pemegang amanah bagi semua wakaf. Pada umumnya kebanyakan tanah wakaf adalah untuk tujuan khusus seperti tapak masjid/madrasah dan tanah perkuburan. Apabila pembangunan pesat berlaku kedudukan tanah-tanah wakaf tersebut telah berada di tempat yang strategik. Majlis Agama Islam diberi kuasa untuk

---

<sup>10</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*, 54.

melaksanakan istibdal dan ini terkandung dalam Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999. Apapun, syarat-syarat yang dikenakan oleh pewakaf hendaklah diutamakan.

Sungguhpun perkara 121 (1A) dengan jelas memberi bidang kuasa eksklusif kepada Mahkamah Syariah dalam perkara-perkara ianya mempunyai bidangkuasa seperti yang diperkatakan dalam kes *Dalip Kaur* namun konflik masih berlaku terutama apabila satu pihak dalam pertikaian adalah bukan Islam. Apabila isu wakaf dibawa ke Mahkamah ia bukan lagi suatu yang mudah untuk diselesaikan dan dapat memuaskan hati setiap pihak. Sebagaimana yang termaklum dan dijelaskan penulis terdapat undang-undang lain yang mengikat urusan pentadbir tanah wakaf seperti Kanun Tanah Negara 1965. Isu baru berkenaan dengan wakaf masa kini adalah saham wakaf. Penulis tidak menganalisa isu ini. Kebanyakan negeri telah memperkenalkan saham wakaf kepada masyarakat seperti Pahang, Johor dan Selangor.

Buku ini ada membincangkan tentang sejarah perkembangan undang-undang zakat dan fitrah di negara ini. Jelas bahawa pengurusan kutipan zakat dan fitrah telah dilaksanakan sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi. Pada hari ini Majlis Agama Islam adalah agensi tunggal yang mempunyai kuasa dalam kutipan zakat dan fitrah dan juga agihan zakat seperti yang diperuntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam setiap negeri. Antara isu yang dibangkitkan adalah mengenai penguatkuasaan undang-undang zakat dan kelemahan dalam pengurusan wang zakat; begitu juga kefahaman masyarakat tentang tuntutan membayar zakat dan fitrah iaitu hendaklah dibayar kepada amil yang dilantik. Pada umumnya penulis telah mendedahkan bahawa setiap negeri mempunyai undang-undang/peruntukan/kaedah mengenai zakat dan fitrah sejak dahulu lagi seperti Enakmen Kutipan Zakat Kelantan (Pindaan) 1927, Undang-undang Zakat Terengganu 1947, Enakmen Zakat dan Fitrah Johor, 1957 dan begitu juga dengan lain-lain negeri. Sementara negeri Sabah telah menyediakan Enakmen Zakat dan Fitrah Sabah, 1993 dan telah pun dikuatkuasa. Mengikut pihak pengurusan zakat dan fitrah negeri Sabah terdapat sedikit masalah dalam pelaksanaan undang-undang tersebut.<sup>11</sup> Undang-undang yang dipakai adalah draf cadangan daripada Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil. Oleh kerana terdapat sedikit masalah dalam perlaksanaannya maka adalah perlu bagi Jawatankuasa Teknikal mengkaji semula dan mengemaskinikan draf undang-undang tersebut.

---

<sup>11</sup> Ini dijelaskan dalam satu mesyuarat antara Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah dengan PPZ Selangor yang di adakan beberapa tahun dahulu.

Makalah ini juga ada membuat kajian tentang penguatkuasaan undang-undang dan Peraturan Zakat di beberapa buah negeri. Terdapat beberapa kes pendakwaan terhadap mereka yang melanggar dan dikenakan denda di atas pelbagai kesalahan yang berkaitan dengan kegagalan penunaian zakat dan fitrah dan termasuk kesalahan yang dilakukan oleh amil. Terdapat juga unsur sosial dan politik yang menyebabkan kutipan zakat tidak dapat dilakukan dengan lebih berkesan. Terdapat anggapan segolongan masyarakat terhadap penguatkuasaan zakat dan fitrah bahawa membayar zakat adalah tuntutan hukum syarak dan bukan di bawah mana-mana undang-undang yang digubal oleh pemerintah. Persepsi ini telah diperjelaskan oleh seorang hakim dengan menyatakan bahawa dengan kewajipan membayar fitrah oleh agama Islam itu diakui, apa yang diperuntukkan oleh undang-undang adalah mekanisme bagaimana pembayaran tersebut perlu dilakukan. Bagaimana pun makalah ini tidak membincangkan sistem kutipan yang canggih yang diperkenalkan oleh beberapa buah negeri termasuk Wilayah Persekutuan dengan PPZ dan kutipan Melaka ada Pusat Pungutan Zakat. Dengan tertubuhnya PPZ ini kutipan zakat telah bertambah dengan mendadak dari tahun ke tahun. Ini dapat dilihat daripada Laporan Tahunan PPZ Wilayah Persekutuan dan daripada Laporan Tahunan Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Secara keseluruhannya makalah-makalah yang dimuatkan dalam buku ini telah berjaya menyingkap kejayaan dan beberapa kelemahan dalam pentadbiran undang-undang Islam di negara ini yang perlu diberi perhatian sewajarnya. Semoga kajian-kajian tersebut tidak terbiar sebagai dokumen yang bersifat akademik semata tanpa dimanfaatkan.

